

01/01/2002

Melayu jangan marah (HL)

Manja Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu, jangan marah dan kecewa jika kerajaan terpaksa bergantung kepada bukan Melayu, yang menikmati kekayaan dan kesejahteraan hidup, untuk melaksanakan tugas penting di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, orang Melayu seharusnya menyalahkan diri sendiri jika menjadi kaum yang mundur di negara ini kerana mereka memilih untuk mengabaikan ajaran Islam berhubung penguasaan ilmu dan fardu kifayah.

Menyampaikan perutusan tahun baru 2002 melalui RTM malam ini, beliau berkata, segala kemudahan khususnya kepada Bumiputera Melayu, kini bukan saja sia-sia, malah ada orang Melayu berpendapat sementara anak Melayu tidak belajar ilmu-ilmu penting, bukan Melayu harus disekat daripada mempelajarinya.

Bagaimanapun, katanya, langkah itu tidak mungkin dilakukan. Dalam memelihara kebebasan di negara ini, rakyat berpengetahuan adalah mustahak dan jika orang Melayu tidak mahu mengejar ilmu, negara terpaksa bergantung kepada bukan Melayu.

"Janganlah orang Melayu marah atau kecewa jika tugas yang penting dalam negara ini dipegang oleh bukan Melayu, jika kekayaan dan kesejahteraan hidup dinikmati oleh bukan Melayu.

"Jika orang Melayu pilih untuk mengabaikan ajaran Islam berkenaan dengan penguasaan ilmu, berkenaan fardu kifayah, yang bersalah jika orang Melayu menjadi kaum yang mundur di negara ini ialah mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata, pelajar Melayu yang enggan mempelajari ilmu selain Islam kerana percaya penguasaan ilmu lain tidak akan menjadikan mereka umat Islam yang baik, sebenarnya tidak memahami maksud fardu kifayah.

Katanya, mereka tidak faham bahawa kerana mengabaikan fardu kifayah, mereka dan seluruh masyarakat Islam menanggung dosa. Mereka diajar hanya untuk menunaikan fardu ain bagi kepentingan diri mereka saja.

Justeru, katanya, satu keganjilan berlaku kini iaitu jumlah pelajar lelaki di universiti hanya separuh saja daripada wanita, walaupun peratusan lelaki dan wanita lebih kurang sama.

"Apakah ini disebabkan pelajar lelaki tidak cerdik daripada wanita? Ini sudah tentu tidak. Sebabnya kelulusan pelajar lelaki rendah ialah kerana mereka tidak tekun belajar. Dari bangku sekolah lagi mereka diajar supaya menolak penguasaan ilmu kerana mereka hanya dikehendaki mempelajari agama.

"Tetapi pelajaran agama juga tidak mengikut ajaran Islam sebenar. Pelajaran mereka tertumpu kepada rupa bentuk Islam dan bukan isi kandungan Islam, kepada membenci umat Islam lain yang didakwa kononnya tidak Islam atau tidak cukup Islam.

"Mereka diajar yang sunat itu wajib dan yang wajib itu sunat. Pendek kata segala kebaikan daripada ajaran Islam diketepikan dan keburukan dicipta sebagai sebahagian daripada Islam yang suci ini," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan semua itu adalah angkara pengkhianatan sebilangan umat Islam yang ingin mengguna pengaruh mereka sebagai orang berpelajaran agama untuk memperbodohkan umat Islam supaya mereka terus berpengaruh dan berkuasa.

"Di mana-mana saja ada orang jenis ini, yang menyebabkan umat Islam menjadi lemah, negara Islam lemah serta umat Islam dihina, ditindas dan diseksa.

"Sesungguhnya keburukan yang menimpa umat Islam datangnya dari mereka

sendiri kerana membelakangkan ajaran Islam sebenar. Janganlah sesiapa mendakwa semua malapetaka yang menimpa umat Islam telah ditakdirkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika semua umat Islam mempelajari agama saja supaya kononnya mendapat tempat di syurga, mereka tidak mungkin hidup. Sebaliknya, mereka disuruh menyediakan semua keperluan masyarakat Islam sebagai sebahagian fardu kifayah.

Bagaimanapun, katanya, pihak tertentu sengaja tidak memperingati dan menekankan fardu kifayah kerana ingin melihat umat Islam menjadi bodoh dan bergantung kepada mereka semata-mata untuk panduan hidup dan supaya mereka dapat terus mengongkong pemikiran ummah.